

# Pelan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional bantu pulih ekonomi negara

Inisiatif pembangunan bagi tempoh lima tahun tingkat daya saing perdagangan Malaysia

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Usaha meningkatkan daya saing perdagangan negara pada peringkat antarabangsa kini giat diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) menerusi Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (RTPN) (2021-2025).

Ia berikutan, persekitaran ekonomi global yang kini semakin memberikan cabaran dan peluang kepada negara kesan daripada pandemik COVID-19.


Oleh hal yang sedemikian, kerajaan memberi penekanan kepada penjajaran semula pertumbuhan trajektori yang mampan, termasuk memulihkan momentum pertumbuhan sektor ekonomi utama serta memacu industri strategik dan berimpak tinggi termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)



“Pada keseluruhannya, RTPN berfungsi sebagai agenda penting untuk pembangunan eksport Malaysia, seterusnya memberikan impak positif kepada negara. Namun, hasil yang lebih tinggi daripada eksport akan membawa kepada lebih banyak peluang untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan negara.”



**Mohd Mustafa Abdul Aziz,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
MATRADE



Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Mohd Mustafa Abdul Aziz, menjelaskan tindakan ini penting dalam usaha meletakkan saran untuk menjadi negara berpendapatan tinggi yang dipacu oleh teknologi canggih termaju dan akan menyaksikan negara bergerak ke arah aktiviti ekonomi yang bernilai tambah dan berkemahiran tinggi.

RTPN (2021-2025) adalah pelan tindakan pertama seumpamanya yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Rangka tindakan yang sudah ditauliahkan oleh MITI dan dibangunkan oleh MATRADE ini, menggariskan strategi dan inisiatif pembangunan bagi tempoh lima tahun (2021-2025) untuk meningkatkan daya saing perdagangan Malaysia, khususnya dalam eksport barang.

Pelan ini dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 25 Oktober 2021.

Pelan ini diterajui empat bidang keutamaan utama, tiga tema strategik dan lapan teras strategik.

Sebanyak lapan kumpulan kerja telah dibentuk untuk melaksanakan syor yang dikemukakan iaitu Fasilitasi Perdagangan; Logistik; Piawaian dan Pematuhan; Promosi Perdagangan dan Akses Pasaran; Kemampuan dan Inovasi; Pendigitalan dan Teknologi; Pelaburan; dan Penjenamaan.

Lapan kumpulan kerja dibentuk membabitkan penggembangan tenaga daripada pelbagai kementerian, agensi dan semua pihak berkepentingan serta sektor swasta dalam ekosistem perniagaan.

Pelan strategi ini juga memanfaatkan Jawatankuasa Koordinasi Eksport (JK-X) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara sebagai badan pentadbir dan penyelia pelaksanaan 40 syor dan 127 inisiatif di bawah pelan terbabit.

Ketika ini kumpulan kerja yang sudah di tahap permulaan adalah unit logistik menerusi Kementerian Pengangkutan yang sudah menyemak semula dasar untuk membenarkan perkongsian penggerak utama dan treler dalam kumpulan syarikat yang sama.

Kumpulan Kerja Logistik menerusi Kementerian Pengangkutan telah menyemak semula dasar bagi membenarkan perkongsian penggerak utama dan treler di dalam kumpulan syarikat yang sama.

Ini mampu mengurangkan modal dan kos operasi sebanyak 10 hingga 20 peratus, sekali gus menyelesaikan isu caj pelabuhan sampingan tinggi.

Pengurangan ini disebabkan oleh kebolehan syarikat pengangkutan untuk mengoptimalkan perkongsian sedia ada tanpa perlu menambah bilangan treler.

Begitu juga, di bawah kumpulan kerja Promosi Perdagangan dan Akses Pasaran, MATRADE kini sedang menyelaraskan pembangunan Portal Maklumat Tunggal untuk Eksport (SIPE) dan Platform Acara Perdagangan Bersepadu (ITEP).

Mohd Mustafa berkata, inisiatif ini bertujuan menangani keperluan segera yang wujud kesan daripada pandemik untuk meningkatkan daya saing perdagangan Malaysia.

SIPE akan menjadi portal komprehensif yang merangkumi maklumat merentasi rantaian nilai eksport, manakala ITEP akan menjadi platform khusus untuk menghubungkan pembeli atau pelabur asing dengan syarikat Malaysia.

Faedah utama platform ini termasuk penjenamaan negara yang lebih kukuh; memperkemas usaha dan mengurangkan kos promosi eksport, penyelarasan acara kebangsaan yang lebih baik dan analisis data besar.

“Pada keseluruhannya, RTPN berfungsi sebagai agenda penting untuk pemhangaman eksport Malaysia, seterusnya memberikan impak positif kepada negara.

“Namun, hasil yang lebih tinggi daripada eksport akan membawa lebih banyak peluang untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan negara,” tambah Mustafa.

Justeru, aktiviti eksport pelaburan dan perniagaan juga ditetapkan untuk menjana peluang pekerjaan yang lebih baik di samping memacu pendidikan berkualiti yang diperlukan untuk menyediakan tenaga kerja mahir dan bakat bagi memenuhi keperluan industri.

Ia juga mendorong Malaysia ke arah status negara berpendapatan lebih tinggi, dan memperbaiki taraf kehidupan.

Bagaimanapun, kejayaan pelan ini memerlukan usaha bersepadu daripada sektor awam dan swasta untuk membangunkan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif dan penting untuk dunia eksport berkembang maju.